

# Peluang pekerjaan di Malaysia



Dr Mohd Yahya  
**Mohamed Arifin**

mohdyma@gmail.com

**TIP KERJAYA**

Rancangan Malaysia Ke-10 (RMK-10) dari segi guna tenaga mengikut kumpulan pekerjaan utama di negara ini. Pada 2009 ada sebanyak 906,400 pegawai kanan dan pengu-  
rus, kumpulan profesional sebanyak 697,200, manakala juruteknik dan profesional bersekutu sebanyak 1,650,100.

Pada 2012, jumlah itu dijangka bertambah kepada 1,000,900 pegawai kanan dan pengu-  
rus, 827,900 profesional dan 1,915,300 juruteknik dan profesional bersekutu. Menjelang 2015, negara dijangka mempunyai 1,097,700 pegawai kanan dan pengu-  
rus, 1,031,600 profesional dan 2,248,400 juruteknik dan profesional bersekutu.

Peningkatan itu jelas meng-  
gambarkan bahawa guna tenaga sentiasa diperlukan bagi mengisi jawatan penting di sektor awam dan swasta khusus untuk lulusan ijazah sarjana muda dan diploma. Kita dapat dari semasa ke semasa kerajaan berusaha mencipta peluang pekerjaan kepada rakyat negara ini.

Pada Ogos 2010 misalnya, Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak melancarkan Zon Ekonomi Khas Wilayah Ekonomi Pantai Timur (SEZ-ECER) yang diharap mampu menarik pelaburan RM90 bilion dan menyediakan 220,000 peluang pekerjaan pada 2020.

SEZ-ECER ialah zon ekonomi khas pertama di Malaysia meliputi 51 peratus kawasan Semenanjung Malaysia iaitu dari Kerteh, Tereng-

**Jadual 1 Guna tenaga mengikut kumpulan pekerjaan utama**

Kumpulan pekerjaan utama	Tahun 2009	Tahun 2012	Tahun 2015
Pegawai kanan dan pengu- rus	906,400	1,000,900	1,097,700
Kumpulan profesional	697,200	827,900	1,031,600
Juruteknik dan profesional bersekutu	1,650,100	1,915,300	2,248,400

Sumber: Rancangan Malaysia ke-10

ganu hingga ke Tanjung Agas, Pekan, Pahang. Projek berkenaan mampu menjadi kawasan pertumbuhan ekonomi terbesar di Pantai Timur. Kawasan itu bakal membuka peluang pekerjaan dalam pelbagai sektor seperti pembuatan bernilai tinggi; industri asas tani; gas dan petrokimia; pelancongan dan hartanah; pendidikan; teknologi maklumat dan komunikasi serta logistik.

Kemudian, pada 10 Oktober 2010 Kerajaan melancarkan Program Transformasi Ekonomi (ETP) yang bertujuan melonjakkan Malaysia menjadi negara yang berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020.

Rakyat Malaysia akan menyaksikan terciptanya pelbagai jenis pekerjaan yang akan mendatangkan pendapatan lebih lumayan. Lebih 60 peratus daripada pekerjaan ini berpendapatan tinggi dan sederhana, dan akan tercipta di bawah anjung 12 Aktiviti Ekonomi Utama Nasional (NKEA).

Kesannya, dijangka lebih banyak pilihan bagi mereka yang mencari pekerjaan dan peningkatan kemahiran asas yang akan membolehkan

peralihan seseorang itu kepada pekerjaan yang berpendapatan tinggi.

Dijangkakan bahawa menjelang 2020, ETP akan menjana sejumlah 3.3 juta peluang pekerjaan daripada 131 Projek Permulaan. Selain pekerjaan berpendapatan tinggi dan sederhana, akan ada banyak pekerjaan yang sedia ada dinaiktarafkan ke pekerjaan berpendapatan lebih tinggi ([www.pemandu.gov.my/etp](http://www.pemandu.gov.my/etp)).

Pada 6 Disember 2011 di Langkawi, Kedah, Perdana Menteri melancarkan Pelan Maritim Kebangsaan yang menyasarkan kewujudan sebanyak 55,000 peluang pekerjaan menjelang 2020, manakala pada 8 Disember 2011, beliau melancarkan pula Blueprint Pelancongan Langkawi untuk tempoh lima tahun (2011-2015) yang bakal mewujudkan 4200 peluang pekerjaan baru.

Pada Disember lepas kerajaan mengumumkan bahawa Iskandar Malaysia, Johor bakal menyediakan sebanyak 800,000 peluang pekerjaan menjelang 2025. Dalam sektor awam pula sentiasa memerlukan tenaga baru untuk terus memajukan dan membangunkan Malaysia.

Pada 2011 ada kira-kira 1.4 juta kakitangan pelbagai jawatan yang sedang berkhidmat dalam sektor itu.

Analisis semasa mendapati laman web Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) menyenaraikan sebanyak 91 jenis jawatan untuk pemegang ijazah pertama dan ke atas. Contohnya, akauntan, arkitek, juruimbas, juruukur, pegawai farmasi, pegawai perubatan, pegawai perancang bandar dan desa, pegawai sains, pegawai syariah dan pegawai kastam.

Selain itu, 79 jenis jawatan lain untuk lulusan diploma. Antaranya, penolong pegawai perikanan, penolong pegawai perustakaan, penolong pegawai tadbir, penolong pegawai veterinar, penolong pegawai teknologi makanan dan setiausaha pejabat. Jawatan kosong itu terdapat dalam Perkhidmatan Awam Am Persekutuan dan Perkhidmatan Awam Negeri Melaka, Pulau Pinang, Negeri Sembilan dan Perlis.

Kesimpulannya, usaha berterusan kerajaan dalam memajukan dan mengembangkan ekonomi telah mencipta banyak peluang pekerjaan termasuk kepada lepasan universiti dengan matlamat memberi keselesaan dan kesejahteraan hidup rakyat negara ini.

■ Penulis ialah Prof Madya, Fakulti Kepemimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia.